

Penan juga boleh jadi Perdana Menteri



08 OCT 1991

KUALA LUMPUR. Isnin — Kaum Penan mungkin boleh menjadi Perdana Menteri sekiranya mereka diberi pendidikan secukupnya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau tidak mahu usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan terhadap kaum Penan dijadikan isu besar oleh pihak tertentu atas alasan mempartahankan alam sekitar.

Katanya, kaum Penan sama seperti orang bias% dan usaha menggunakan mereka sebagai alat propaganda adalah bertentangan dengan hak itu dan menafikan mereka daripada menikmati pembangunan.

"Kita percaya Penan

juga manusia biasa tetapi mereka masih belum lagi menukarkan cara hidup mereka. Mungkin satu hari ada kaum Penan yang menjadi Perdana Menteri sekiranya diberi peluang menikmati pembangunan. Yang pentingnya mereka mestilah mendapat pendidikan secukupnya.

Adakah tidak salah sekiranya kita cuba menukarkan kebudayaan dan cara hidup mereka kepada taraf yang lebih baik," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean ke-23 (AEM), di sini, hari ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, sebelum ini, rakyat Malaysia menjadi manusia ber-

tamadun kerana dahulunya dipaksa menerima pembangunan dan perubahan oleh orang lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka menyalahkan Malaysia memperkenalkan pembangunan kepada kaum Penan tetapi gagal menyedari bahawa mereka juga menggunakan cara yang sama dalam memaksakan amalan demokrasi itu.

"Kita tidak mahu kaum Penan mengalami maealah dan kesulitan seperti kaum Indian di Amerika Syarikat yang terpaksa tinggal di dalam kawasan simpanan. Kita tahu kesulitan yang dihadapi oleh kaum Indian di sana dan tidak mahu ia berlaku di sini," katanya.